


## BAB DUA

### ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN


#### 2.0 SEJARAH MASYARAKAT ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

Sejarah Negeri Sembilan menurut Wilkinson (1971:2) terbahagi kepada tiga peringkat. Peringkat pertama ialah semasa negeri tersebut terbahagi kepada empat kawasan orang asli iaitu Sungai Ujung, Klang, Jelebu dan Johol. Waktu pemerintahan orang asli ini adalah di antara tahun 1450 hingga 1600 (rujuk Peta 2).




Peta 2 : Peringkat pertama : ' Negeri Sembilan' di antara tahun 1450-1600

Peringkat kedua pula adalah peringkat pertengahan semasa empat kawasan tersebut digantikan dengan sembilan kawasan Minangkabau tetapi masih lagi di bawah pemerintahan Johor. Kawasan-kawasan tersebut dikenal pasti sebagai Naning, Rembau, Sungai Ujung, Jelebu, Klang, Ulu Pahang (antara Ulu Serting dan Temerloh), Pasir Besar (sekarang Johol), Segamat dan Jelai (sekarang Inas) (rujuk Peta 3).



Peta 3 : Peringkat Pertengahan : ' Negeri Sembilan ' di bawah pemerintahan Johor.

Manakala peringkat ketiga adalah peringkat moden apabila empat daripada sembilan kawasan Minangkabau tersebut membentuk kerajaan sendiri dengan perlembagaan bebas di bawah ketua yang bergelar Undang (rujuk Peta 4).



Peta 4 : Peringkat Moden : Negeri Sembilan Dan Empat Luak Berundang.

Pada awalnya penduduk di Negeri Sembilan terdiri daripada orang Biduanda yang dikenali juga dengan panggilan Blandas atau Mantra, orang Besisi dan orang Jakun. Setelah kejatuhan kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511, barulah orang-orang Melayu-Sumatera yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Minangkabau dari daerah Sumatera Barat datang merantau ke Semenanjung Tanah Melayu.


Budaya merantau bagi orang-orang Minangkabau telah menjadi salah satu daripada ciri sosial mereka selain daripada taat kepada agama Islam dan berpegang kuat kepada sistem kekeluargaan nasab ibu. Merantau juga adalah hasil dari galakan adat yang diamalkan. Penghijrahan ini menurut Hamzah (1979:6) mempunyai dua tujuan utama. Tujuan pertama adalah untuk mencari ilmu pengetahuan supaya mereka menjadi matang apabila kembali ketanah air, manakala tujuan yang kedua adalah untuk meneroka kawasan-kawasan baru bagi mendapatkan kekayaan untuk dibawa pulang ke tanah air.

Mereka yang datang adalah dari segala pelosok Tanah Minang di antaranya dari Paya Kumbuh, Seri Lemak, Sri Melenggang, Batu Hampar, Batu Balang, Mungkal, Tanah Datar, Tiga Nenek dan Tiga Batu. Kedatangan mereka ke Tanah Melayu adalah melalui Selat Melaka dan seterusnya mudik ke Sungai Linggi dan Sungai Rembau seterusnya membuat penempatan di Naning, Sungai Ujung dan Rembau (Wilkinson 1971:11).

Penempatan pertama yang dibuat oleh perantau-perantau Minangkabau ini adalah di Naning, kemudian di Inas, Johol, Gemenchah, Terachi, Gunung Pasir, Jempol dan Ulu Muar (Wilkinson 1971:4). Setelah kedatangan orang-orang Minangkabau ini diterima oleh penduduk tempatan, barulah mereka mengamalkan penanaman padi dan mengajar sunah-sunah Islam iaitu ilmu pengetahuan yang dibawa dari Sumatera. Perkahwinan campur berlaku di antara penduduk tempatan dengan orang-orang Minangkabau tersebut dan Adat yang mereka bawa diserapkan secara perlahan-lahan ke kalangan masyarakat tempatan. Sebahagian besar daripada masyarakat tempatan ini dapat menerima ajaran Adat tersebut dan ia kekal sebagai pegangan dan amalan sehinggalah ke hari ini. Adat tersebut dikenali sebagai Adat Perpatih yang mempunyai hanya satu matlamat dasar iaitu hidup berasaskan budi dan muafakat .

Walaupun telah menetap di Negeri Sembilan, para perantau ini masih mengingati daerah asal mereka di Sumatera Barat. Wujudlah kemudiannya suku-suku yang mempunyai nama seperti tempat-tempat asal mereka seperti suku Paya kumbuh, suku Tanah Datar dan lain - lain. Menjelang abad ke 18, Adat Pepatih ini telah berkembang dengan suburnya di Negeri Sembilan terutama sekali di Sungai Ujung (Wilkinson 1971:4). Namun demikian, Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan ini adalah berlainan dengan Adat Minangkabau di Sumatera Barat walaupun mereka sama-sama mengamalkan sistem nasab ibu.


Walaupun secara umum dikatakan bahawa orang Melayu Negeri Sembilan mengamalkan sistem keturunan nasab ibu, tetapi menurut Norhalim (1993:6) pada hakikatnya bukan demikian keadaannya. Secara geografis moden hanya masyarakat Melayu di daerah Jelebu, Jempul, Kuala Pilah, Rembau, Seremban dan Tampin sahaja yang mengamalkan sistem ini. Daerah Port Dickson, melainkan kampung-kampung di bahagian pedalaman yang bersempadan dengan Daerah Seremban tidak mengamalkannya. Kawasan di sepanjang pinggir pantai daerah Port Dickson mengamalkan sistem yang sama seperti orang Melayu di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia iaitu sistem Adat Termenggong (rujuk Peta 5).



Peta 5 : Kawasan Adat Perpatih.

Masyarakat Melayu Melaka yang bersempadan dengan Negeri Sembilan seperti di Masjid Tanah, Alor Gajah, Pulau Sebang dan Batang Melaka pula mengamalkan Adat Perpatih yang dikenali sebagai Adat Perpatih Naning (Yaakob 1996:25).

Dalam sistem politik tradisional ini, Negeri Sembilan terbahagi kepada tiga belas unit pentadbiran yang dipanggil luak iaitu Luak Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Sungai Ujung, Jelebu, Johol, Rembau, Inas, Linggi, Gemenchek, Air Kuning dan daerah Tunku Besar Tampin (rujuk Peta 6).



Peta 6 : Tiga belas luak di Negeri Sembilan.

Tiga belas luak tersebut dibahagikan pula kepada empat kelompok. Pertama, Seri Menanti yang dikelilingi oleh kelompok kedua iaitu empat luak tanah mengandung, Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir. Yang ketiga adalah empat luak pilihan iaitu Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Rembau manakala yang keempat adalah daerah Tunku Besar Tampin.

Adat Perpatih di Negeri Sembilan lazimnya tidak bertulis tetapi lebih kepada sastera lisan. Ajaran-ajaran adat ini dirangkaikan dalam bentuk butir-butir ungkapan kalimat yang disebut petatah petitih dan sajak-sajak tradisi yang terdiri daripada perbilangan dan pantun. Bagi orang-orang yang dapat memahaminya, kata-kata adat ini bukan sahaja indah bunyi dan iramanya tetapi juga mengandungi erti yang mendalam. Perbilangan adat ini bukan sekadar menerangkan susun lapis dalam masyarakatnya baik dari aspek pemerintahan dan keluarga tetapi juga menggambarkan tentang sosialisasi masyarakat yang mementingkan nilai moral yang tinggi dan perpaduan yang erat (Aripin 1991:5).

Kata-kata adat ini akan diturunkan kepada orang yang dianggap layak menyandang pusaka, sebagai pedoman yang baik supaya dapat melahirkan suatu masyarakat yang teratur dan memenuhi syarat keamanan dan keadilan. Seperti contoh kata adat di bawah, ia menunjukkan bahawa hidup bermuafakat dan bergotong royong dapat dilaksanakan dan dijadikan amalan hidup sehari-harian demi perpaduan, kekuatan, keutuhan dan kepimpinan masyarakat Melayu. Muafakat dan gotong royong boleh dijadikan garis panduan untuk



memupuk perpaduan dalam usaha mencari penyelesaian sekiranya ada sebarang krisis. Sesuatu masalah yang dihadapi haruslah dibincangkan bersama bagi mencari jalan penyelesaian.

*Bulat air dek pemetung  
bulat manusia dek muafakat  
kok bulat sama digolek  
kok pipih sama dilayangkan  
kok ada jua yang menghalang  
membujur lalu melintang patah*  
Budaya Negeri (1991:5)

Adat Perpatih adalah berdasarkan kepada prinsip '*baik dipakai dek muafakat, buruk dibuang dek rundingan*' bererti setelah bermuafakat dan berunding, sekiranya hasil sesuatu perkara itu baik, maka haruslah diambil dan sekiranya buruk haruslah ditinggalkan.

Masyarakat Adat Perpatih ini hidup seperti sebuah keluarga yang besar, hidup tolong menolong dan bantu membantu.

## 2.1 ORGANISASI ADAT PERPATIH

Organisasi Adat Perpatih dapat dilihat seperti perbilangan di bawah :

Alam beraja  
Luak berpenghulu  
Suku berlembaga  
Anak buah berbuapak

Tampuk pemerintahan dipilih dari bawah iaitu mengikut kata ramai dan pemegang jawatan tersebut dipilih daripada perut ibu yang berhak.

### 2.1.1 Prinsip kekeluargaan nasab ibu.

Organisasi Adat Perpatih adalah diasaskan oleh sistem nasab ibu. Sistem nasab ibu yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan menjadi dasar kepada keseluruhan tingkah laku yang merangkumi sistem politik, ekonomi, sosial dan budaya masyarakat tersebut.

Susunan masyarakat yang bersendikan tradisi keluarga matrilineal iaitu susur galur keturunan seseorang itu adalah melalui ibunya merupakan ciri terpenting di dalam sistem Adat Perpatih. Jika suku ibunya suku Paya Kumbuh maka kesemua anak-anaknya adalah juga bersuku Paya Kumbuh. Dalam susunan keluarga nasab ibu ini, hak mewarisi harta pusaka berlaku melalui keturunan perempuan yang bermula daripada pihak ibu sebagai pengasas keluarga.

Di daerah Rembau, pewaris harta seperti rumah pusaka diberikan kepada anak perempuan bongsu, manakala di kawasan Kuala Pilah ia diwariskan kepada anak perempuan yang tua (Yaakob 1996:17). Walaupun hak mewarisi harta pusaka adalah melalui keturunan perempuan, namun segala hak dan urusan pentadbiran keluarga diatur oleh saudara lelaki. Begitu juga dalam soal-soal rumah tangga, termasuk soal didikan anak-anak, kuasa adalah di tangan suami. Pewaris pangkat dan gelaran seperti Undang, Lembaga, Buapak dan lain-lain adalah anak lelaki. Anak lelaki juga bertanggung jawab menjaga saudara-saudara perempuannya dan juga menjaga tanah pusaka mereka.

Anggota keluarga dianggap sedarah kerana berasal dari moyang yang sama. Mereka dikenali sebagai keluarga sedarah nasab ibu. Selain daripada itu terdapat juga keluarga kadim iaitu saudara yang semua anggota suku itu bersaudara di antara satu sama lain. Ada kadim biasa dan ada kadim dekat. Kadim biasa dan kadim dekat ini dikenali sebagai kadim keturunan.

Selain daripada kadim keturunan, terdapat juga anggota keluarga yang masuk suku melalui upacara berkadim yang diterima sebagai anggota keluarga. Tujuan upacara berkadim ini ialah untuk membolehkan seseorang mengambil anak angkat perempuan sekiranya dia tidak mempunyai anak kerana anak perempuan sangat penting dalam perkembangan suku.

Keluarga yang terbentuk melalui hubungan perkahwinan pula dikenali pula sebagai keluarga semenda.

### 2.1.2 Sistem suku.

Dalam istilah asalnya, menurut Abdullah (1975:119) suku bererti "*seperempat* " manakala dalam istilah sekarang menurut beliau lagi, suku mempunyai pengertian yang lain iaitu "*golongan manusia yang berasal dari satu keturunan yang disusur galurkan melalui ibu* ". Walau apa pun pengertian suku tersebut, yang jelas masyarakat ini mengamalkan hidup berkeluarga dan hidup bersuku-suku.

Di Negeri Sembilan terdapat dua belas suku masyarakat Adat Perpatih iaitu Suku Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Mungkal, Tiga Nenek, Seri Melenggang, Seri Lemak, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Aceh, Anak Melaka dan Tiga Batu.

Setiap anggota di dalam suku menjalani kehidupan seperti adik - beradik, saling bantu membantu dan tolong menolong. Setiap kerja yang dilakukan mestilah dijalankan atas nama suku. Sekiranya kerja yang dilakukan itu mendatangkan faedah dan kebajikan, maka ia akan dirasakan bersama, begitu juga sebaliknya. Oleh itu setiap anggota masyarakat Adat Perpatih tidak sahaja dikenali dengan nama keluarganya tetapi juga dikenali dengan nama sukunya. Melalui nama suku itu dapat diketahui saudara mara seseorang anggota masyarakat itu.


Ketua di dalam suku dipanggil **Lembaga**. Lembaga bertanggungjawab terhadap segala perkara yang berlaku di dalam sukunya. Syarat utama bagi memegang jawatan lembaga menurut Norhasiah (1992:12) ialah *"beliau mesti memperisterikan perempuan dari luaknya, bertanggungjawab menjaga keselamatan dan mengekalkan keharmonian hidup bersuku, turut hadir dalam pembahagian harta pusaka dan menandatangani akuan berkadim. Beliau juga bertugas sebagai hakim yang mengadili sebarang kekecohan di kalangan anak buahnya. Lembaga tidak boleh bertindak dengan sewenang - wenangnya. Beliau boleh dipecat atas kesalahan membusukkan nama suku, cuai menjalankan tugas, menyalah gunakan kuasa atau melampaui batas kuasanya"*.

Lembaga bertanggung jawab terhadap kebajikan ahli-ahli sukunya. Apa-apa hal yang berlaku di kalangan anak buah hanya diketahui oleh Lembaga jika di laporkan oleh Buapak. Sebagai pembesar, Lembaga harus hadir di Balai Undang apabila dipanggil untuk membincangkan masalah Luak.

Tiap-tiap suku ini dipecahkan pula kepada beberapa bahagian kecil yang dipanggil *perut*. Perut dianggotai oleh ahli masyarakat yang mempunyai hubungan dan salasilah yang dapat digalurkan dengan jelas sehingga tujuh generasi dari nenek moyang yang sama. Setiap perut dalam satu-satu suku itu mempunyai ketua masing-masing yang di gelar **buapak**. Buapak bertanggungjawab membantu Lembaga dalam

menjalankan tugas-tugas pentadbiran adat. Setiap anggota dalam perut dikenali sebagai *anak buah*. Seorang buapak bertanggung jawab terhadap segala persoalan pentadbiran dan pemerintahan dalam perut. Buapak dilantik oleh anak-anak buah dalam perutnya sendiri, menurut persetujuan ramai.

Perut akan dipecahkan pula kepada *rumpun*. Seterusnya rumpun dipecahkan kepada *Ruang*. Rumpun dan ruang merupakan pecahan-pecahan terkecil daripada perut (rujuk carta 4).



Carta 4: Pecahan-pecahan di dalam sistem Adat Perpatih

Menurut perbilangan Adat Perpatih :

Raja menobat (berkuasa) dalam alamnya ,  
Penghulu (Undang) menobat dalam Luaknya,  
Lembaga menobat dalam lingkungannya,  
Buapak menobat pada anakbuahnya,  
Orang banyak menobat dalam terataknya (rumahtangganya).

Samad (1987:2)

Perbilangan Adat tersebut jelas menunjukkan bahawa anak buah bertanggungjawab memilih Buapak, manakala Buapak akan sepakat memilih Lembaga. Lembaga akan bermuafakat memilih Undang dan Undang pula akan bermesyuarat bagi memilih Raja. Sistem demokrasi ini diamalkan dalam sistem Adat Perpatih di mana ketua di pilih dari persetujuan rakyat jelata.

### **2.1.3 Sistem Ekonomi**

Masyarakat Adat perpatih pada masa dahulu adalah masyarakat tani. Justeru itu definisi anggota Adat Perpatih tulin ialah "*seseorang yang ada tanah tapak rumah, tanah untuk kuburnya bila mati dan tanah untuk bersawah* " (Norhasiah 1992:10). Tanah boleh didapati dengan cara warisan iaitu tanah pusaka atau dengan usaha sendiri . Harta yang didapati dengan usaha sendiri dikenali sebagai harta carian.

### **2.1.3a Harta Pusaka.**

Sekiranya harta pusaka merupakan sebidang tanah ia lebih dikenali sebagai Tanah Adat. Tanah Adat ini adalah berbeza dengan Tanah Rizab Melayu dan ia juga berbeza dengan Tanah Wakaf.

Harta pusaka adalah milik perut iaitu milik keluarga. Hasil daripada tanah pusaka ini bukanlah milik individu tetapi milik keluarga keseluruhannya. Seseorang individu tidak boleh menggunakan harta pusaka tanpa persetujuan buapak dan anak buah yang lain. Walaupun kaum perempuan adalah sebagai pemegang amanah harta pusaka, namun kaum lelaki juga bertanggung jawab menjaganya. Mereka juga berhak mengambil hasil tanah tersebut seperti buah-buahan dan tanam-tanaman yang lain.

### **2.1.3b Harta Dapatan dan Harta Carian.**

Harta dapatan adalah khusus milik isteri yang telah diberikan oleh ibubapanya. Tujuan harta dapatan ini ialah semata-mata untuk kepentingan si isteri. Harta dapatan ini boleh menjadi harta pusaka jika dengan kerelaan isteri itu yang kini telah mempunyai ramai anak cucu atau telah mewujudkan perut yang baru dalam masyarakat itu.

Suami pula perlulah mencari harta baru iaitu harta carian. Harta carian adalah harta baru hasil kerjasama di antara suami isteri. Status harta carian berbeza dengan harta pusaka dan harta dapatan. Suami isteri boleh menggunakan harta carian ini untuk kepentingan peribadi.



Sekiranya suami isteri tersebut bercerai, harta carian tersebut haruslah dibahagi mengikut sistem adat dan sekiranya suami isteri tersebut meninggal dunia, harta tersebut akan di bahagikan secara faraid kepada anak-anak.

## **2.2 PERANAN UNDANG DALAM PENTADBIRAN ADAT PERPATIH.**

Undang merupakan kuasa tertinggi di dalam pentadbiran Adat perpatih. Dato' Undang berkuasa di dalam luak yang mereka duduki. Hal ehwal luak dikendalikan oleh Dato' Undang dengan bantuan ketua-ketua adat yang lain. Luak merupakan kesatuan wilayah yang terdiri daripada beberapa kampung yang penduduknya terdiri daripada berbagai suku. Kedudukan seorang Undang dalam luaknya samalah seperti kedudukan Raja dalam negerinya.

Undang dipilih daripada anggota suku yang khas memerintah dalam Luak. Pemilihan seorang Undang pada mulanya haruslah dijalankan oleh Buapak dan Lembaga dalam sukunya sendiri. Perlantikan itu seterusnya di perkenankan oleh lembaga dari suku-suku yang bersekutu dalam luak. Lembaga dan wakil dari suku itulah yang memberi keputusan muktamad samada seseorang itu diterima atau tidak menjadi Undang.

Undang boleh dipecat dari jawatannya sekiranya melanggar batas-batas kesopanan dan kesusilaan. Seorang Undang haruslah memerintah dengan 'bersabda di Balai'. Balai yang dimaksudkan ialah

tempat berunding. Tegasnya Undang mestilah menjalankan pentadbiran Luaknya secara berunding dengan lembaga-lembaga di dalam Luak.

Apabila seseorang Undang meninggal dunia, penggantinya haruslah dilantik sebelum jenazahnya dikembumikan, seperti yang tertera dalam petikan Terombo Sungai Ujung. Menurut terombo tersebut, apabila seorang Undang meninggal dunia, jenazahnya hendaklah dikebumikan oleh Undang yang baru, mengikut kata adat; '*Bertanam Undang dan Undang menanamkan*'. Selama jenazah Undang berada di Balai Undang, kuasa Undang dipegang sementara oleh Dato' Mendelika dengan tujuan untuk menguruskan perlantikan Undang yang baru bagi melaksanakan pengkembumian jenazah Undang yang meninggal dunia.

Luak Sungai Ujung dan Luak Johol dikenali sebagai luak waris berunding yang bermaksud hak untuk melantik Undang tertetak di tangan waris. Luak Jelebu dan Luak Rembau pula dikenali sebagai luak Undang Berlembaga di mana Lembaga berkuasa mutlak dalam pemilihan Undang<sup>1</sup>

Dato' Undang Sungai Ujung bergelar Dato' Kelana Putera dan dianggap sebagai ketua kepada Undang Yang Empat. Undang Sungai Ujung bukan dipilih oleh ketua-ketua suku tetapi oleh wakil dari dua perut


---

<sup>1</sup> Hasil temubual bersama Encik Karim, Dato' Mufti dan Dato' Johan di Balai Adat Undang Mubarak, Ampangan, Seremban pada 12.11.1996.

sukunya dan seorang pegawai Adat. Perut suku tersebut adalah Perut Hilir dan Perut Hulu. (Rujuk lampiran 1)

Undang Rembau pula dipilih dari dua perut suku Biduanda di Baruh iaitu Biduanda Jakun dan Biduanda Jawa. Undang dari perut Biduanda Jakun bergelar Dato' Lela Maharaja manakala Undang dari perut Biduanda Jawa bergelar Dato' Sedia Raja (rujuk lampiran 2).

Giliran ini tidak hanya terhad kepada dua carak ini sahaja kerana Biduanda Jakun dan Biduanda Jawa masing-masing mempunyai empat perut di bawahnya. Oleh itu, jawatan Undang tersebut akan digilirkan kepada dua carak di antara lapan perut (rujuk carta 5).



Carta 5 : Dua carak dan lapan perut yang berhak menjadi Undang Rembau.

Suku Biduanda Waris Menteri dan suku Biduanda Waris Ombi di luak Jelebu pula merupakan suku asal yang tidak bercampur aduk dengan persemendaan dengan orang-orang Minangkabau. Oleh itu mereka dikira sebagai waris negeri yang asal atau waris yang dua. Untuk menjadi Dato' Undang pemilihan dibuat secara bergilir-gilir daripada tiga carak iaitu Waris Ulu Jelebu, Waris Sarin dan Waris Kemin. Mereka yang dilantik menyandang pesaka Undang ini bergelar Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman (rujuk lampiran 3)

Undang Johol yang pertama sehingga Undang Johol yang ketiga pula adalah dari kaum wanita iaitu Siti Awan atau Sitiawan, Dato' Rambut Panjang dan Dato' Sitiawan 2. Berbeza dengan perlantikan Undang yang lain, Undang Johol tidak perlu dipilih apabila seseorang Undang itu meninggal dunia. Sebaik sahaja seseorang Undang meninggal dunia, dengan sendirinya Dato' Baginda Tan Mas menyandang pesaka Undang Johol, manakala jawatan Dato' Tan Mas itulah yang perlu dicari ganti. Pesaka Tan Mas dilantik oleh Tok Jenang, ketua suku Biduanda dan enam orang Buapak dari suku tersebut. Untuk menyandang pesaka Undang Johol yang bergelar Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan, pemilihan haruslah dibuat dari dua perut iaitu perut Johol dan perut Gemencheh (rujuk lampiran 4).

### **2.3 PERANAN RAJA (YANG DI PERTUAN BESAR) DALAM PENTADBIRAN ADAT PERPATIH.**

Dalam konteks sejarah pula, sehingga abad ke 18 Negeri Sembilan masih lagi menjadi sebahagian daripada jajahan kesultanan Melaka-

Johor dan di bawah jagaan Bendahara . Hanya setelah Belanda mahu melantik Daeng Kemboja menjadi sultan di Negeri Sembilan barulah penduduk di Negeri Sembilan bertindak kerana tidak bersetuju. Mereka tidak mahukan sultan dari darah Bugis sebaliknya mahukan sultan dari keturunan Minangkabau. Para penduduk di Negeri Sembilan kemudiannya menjemput seorang Raja dari Pagaruyung, Raja Melewar dan ditabalkan menjadi Yamtuan Negeri Sembilan yang pertama pada tahun 1773.

Di Negeri Sembilan, Raja yang memerintah dikenali sebagai *Yamtuan* atau *Yang Di Pertuan Besar*. Yang Di Pertuan Besar dipilih oleh Undang Yang Empat. Walaubagaimana pun, calon-calon yang dipilih itu mestilah datangnya dari keluarga di raja yang utama iaitu daripada keturunan Tuanku Antah. Mengikut perjanjian Seri Menanti bertarikh 4 hb. Jun 1887, sebagai Raja dari kawasan Seri Menanti ia turun temurun dan sebagai Raja dari Negeri Sembilan ia dipilih dari keturunannya (Abdullah 1975).

Yang Dipertuan Besar bersemayam di Seri Menanti. Pemilihan bagi menggantikan baginda sekiranya baginda mangkat adalah dari kekanda atau adinda lelaki Yang Dipertuan Besar yang mangkat atau ayahanda saudara sebelah ayahanda Yang Dipertuan Besar yang mangkat atau cucunda lelaki dari Yang Dipertuan Besar yang mangkat atau putera kekanda atau adinda lelaki Yang Dipertuan Besar yang mangkat atau putera ayahanda saudara dari Yang Dipertuan Besar yang mangkat (Samad 1987).

Kedudukan Raja yang memerintah dalam masyarakat Adat Perpatih adalah berlainan dengan kedudukan Raja-raja dalam negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Yang Dipertuan Besar tidak berkuasa ke atas mana-mana Luak dalam Negeri Sembilan kecuali di Seri Menanti. Ini adalah disebabkan oleh tiap-tiap luak tersebut telah mempunyai pemerintah dan pentadbir sendiri iaitu seorang Undang.

Menurut Wilkinson (1971:11), Yamtuan hanya merupakan ketua keagamaan dan baginda dilantik sebagai pemutus keadilan di mahkamah berkaitan dengan agama. Baginda dan keluarga tidak tergolong di dalam mana-mana suku dan dianggap berdaulat.

Di samping mempunyai kuasa perlembagaan, Yamtuan juga mempunyai kuasa moral yang agak besar dari jawatan keturunan yang dihormati. (Lowe, 1982:21) Yamtuan juga boleh mentafsirkan dengan sahnya semua dasar kerajaan dari sudut pandangan mereka. Tugas penting baginda ialah memelihara perpaduan pentadbiran Negeri Sembilan.

#### **2.4 SISTEM PENTADBIRAN SEMASA PEMERINTAHAN BRITISH.**

Sistem pentadbiran masyarakat tradisional Melayu adalah sistem pentadbiran yang belum dipengaruhi oleh kuasa penjajah. Walau pun kuasa luar terawal telah ada, tetapi ia masih belum dapat mempengaruhi sistem pentadbiran ini.

Sistem pentadbiran tradisional ini mulai mengalami keruntuhan apabila campur tangan dan penjajahan British bermula pada abad ke sembilanbelas. Inggeris mulai menghantar wakilnya sebagai Residen di Jelebu pada tahun 1885 dan mulai campurtangan di dalam perjanjian di antara Yang Di Pertuan Besar dan Undang Yang Empat pada tahun 1898 (Samad 1990:153). Dengan kuasa politik di tangan mereka, Inggeris mempunyai pengaruh yang kuat untuk membentuk dasar-dasar ekonomi, pentadbiran dan pelajaran bagi Malaya.

Akibat campurtangan tersebut, kuasa Undang dan Yang Di pertuan Besar terbatas. Yang Di Pertuan Besar tidak boleh lagi mengutip cukai untuk kegunaannya sendiri. Baginda juga tidak boleh lagi mengerahkan tenaga rakyat atau menyimpan hamba abdi. Institusi perhambaan juga telah dibasmi oleh pihak penjajah. Sebagai ganti, kerajaan Inggeris memberikan gaji tetap kepada Yang Di pertuan Besar dan Undang Yang Empat.

Dalam kesemua negeri kuasa politik terletak di tangan pentadbir-pentadbir Inggeris. Yang Di pertuan Besar hanya berkuasa dari segi agama dan adat istiadat Melayu sahaja. Tugas untuk menjaga undang-undang dan keamanan tidak lagi menjadi tanggung jawab Yang Di pertuan Besar tetapi terserah kepada kerajaan negeri yang dikuasai oleh penjajah Inggeris. Kedatangan Inggeris telah benar-benar menghakis dan mengeneipkan struktur politik tradisional.

Negeri Sembilan dari segi pentadbiran moden telah terbahagi kepada tujuh buah daerah. Sempadan-sempadan daerah ini tidak sama dengan sempadan - sempadan daerah tradisional. Tiap-tiap daerah ini ditadbir oleh seorang Pegawai Daerah dan dibantu oleh Penolong Pegawai Daerah.

Tiap-tiap daerah seterusnya dibahagikan kepada beberapa mukim dan dalam tiap-tiap mukim ditempatkan seorang Penghulu yang dipilih dan dilantik oleh kerajaan. Sistem pentadbiran baru ini meletakkan Penghulu di bawah kuasa Pegawai Daerah dan penghulu turut membantu dalam tugas-tugas menjaga keamanan dan keadilan.

Dalam sistem pentadbiran Inggeris juga, Undang dan Yang Dipertuan Besar telah diserapkan menjadi ahli tetap dalam Dewan Keadilan yang dianggotai oleh Yang Dipertuan Besar sebagai Pengerusi, Undang Yang Empat, Tunku Besar Tampin, Tunku Besar Sri Menanti, Dato' Shahbandar, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Penasihan Undang - Undang Negeri.